

Di manakah Yesus berkata "Akulah Allah, Sembahlah Aku"?

Pengenalan

Sama ada Yesus adalah Allah atau bukan Allah, tidak ditentukan oleh perkataan yang sebenarnya wujud "Akulah Allah, Sembahlah Aku" di dalam Alkitab tetapi dengan tuntutan-tuntutan bahawa siapa-Nya dan apa yang dilakukannya hanya perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh Allah.

Gelaran yang mulia diberikan kepada Allah juga merujuk kepada Yesus

1. Yesus adalah "yang pertama dan yang terakhir", sama dengan Allah – Yesaya 44: 6 dibandingkan dengan Wahyu 1:17; 22:13
2. Yesus adalah "TUHAN segala tuhan" sama dengan Allah – Ulangan 10:17 bandingkan dengan Wahyu 19:16
3. Yesus dirujuk sebagai "Penebus" sama dengan Allah Israel – Lukas 1:68 dibandingkan dengan Yesaya 41:14

Yesus membuat tuntutan yang hanya boleh dibuat oleh Allah

1. "Akulah Jalan, Kebenaran dan Hidup" – Yohanes 14:6
2. Yesus ialah Cahaya – Yohanes 8:12 dibandingkan dengan Yesaya 60:19-20
3. Yesus adalah Tuhan atas hari Sabat bahawa Dia sama dengan Allah – Markus 2:28 dibandingkan dengan Keluaran 20:10
4. Pra-kewujudan Yesus dan Dia turun dari syurga – Yohanes 1:1-3; 3:13; 6:38, 17:5
5. Yesus dan Bapa adalah satu dan Dia menyamakan diri dengan Bapa – Yohanes 10:30-33; 5:17-18

Yesus membawa gelaran KeTuhanan: Mesias, Anak Allah dan Anak Manusia

1. Yesus berkatanya, "Akulah AKU" iaitu nama Allah "YHWH" (Yahweh) dan oleh itu, Dia adalah kekal – Keluaran 3:14 dibandingkan dengan Yohanes 8:58; Markus 1: 1-3 dan Yesaya 40: 3

2. Yesus mengatakan bahawa Dia adalah Mesias, Anak Allah dan Anak Manusia – Matius 26:62-65
3. Mesias yang diurapi – Yesaya 61:1
4. Anak Manusia yang merupakan Allah – Daniel 7:13-14; John 3:13
5. Anak Allah (Anak Tunggal Allah) – Yohanes 1:34; 3:18; 3:36; 10:36, 20:31
Matius 8:29; 11:27; 14:33, 16:16 Lukas 10:22

Apa yang Yesus lakukan hanya Allah yang dapat melakukannya

1. Dia mengampunkan dosa – Markus 2:8-12
2. Dia melakukan mukjizat, menyembuhkan, mengusir setan, membangkitkan orang mati - ada banyak ayat dalam Injil yang memberi kesaksian tentang perbuatan ajaib yang Yesus lakukan.
3. Dia berkuasa atas alam dan dunia fizikal – Yohanes 2: 9-11 (menukar air menjadi wain); Lukas 8: 23-25 (menenangkan ribut); Markus 6: 41-44 (pembanyakan lima roti dan dua ikan dan memberi makanan kepada 5,000 orang)
4. Dia mempunyai kuasa untuk menghukumkan bangsa-bangsa – Matius 25:21-46

Yesus menerima penyembahan

1. Matius 2:2; 14:33; 15:25, 28:9 Yohanes 9:35-38.
2. Yohanes 20:28 (Merujuk kepada Yesus, Thomas mengisytiharkan "TUHANKU dan Allahku")

Kesimpulan

Ketuhanan Yesus tidak dapat dinafikan dan Dia adalah Allah. Bukti bahawa Yesus adalah Allah berasal dari sifat ketuhanan-Nya, kuasa dan kewibawaan-Nya dan perbuatan-Nya; semua yang hanya Allah ada dan hanya Allah yang dapat melakukannya. Ketuhanannya tidak berdasarkan pada tuntutan yang sederhana bahawa "Akulah Allah, Sembahlah Aku".

Rujukan Alkitab : Alkitab Versi Borneo (AVB)